

02 APR 2002

Parlimen-Gulung (Pertahanan)

KEPUTUSAN PEMBELIAN KAPAL SELAM AKAN DIUMUM TIDAK LAMA LAGI

KUALA LUMPUR, 2 April (Bernama) -- Kementerian Pertahanan akan mengumumkan keputusan pembelian kapal selam bagi mempertahankan perairan negara, tidak lama lagi, kata Timbalan Menteri Pertahanan Datuk Mohd Safie Apdal.

Beliau berkata pembelian kapal selam yang telah lama dirancang oleh kerajaan itu akan diumumkan Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Kita yakin kapal selam yang akan diperolehi ini adalah setanding dan boleh menambah sistem pertahanan yang lebih baik," katanya ketika menggulung perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2001 dan 2002) 2002 peringkat jawatankuasa bagi kementerian itu di Dewan Rakyat hari ini.

Katanya, kerajaan telah lama membentuk pasukan bagi meninjau cadangan pembelian kapal selam itu.

Beliau menjelaskan antara kriteria kapal selam yang dibeli itu ialah daripada segi perisik dan bukannya aspek kelajuan.

Kerajaan sebelum ini telah beberapa kali mengumumkan cadangan pembelian kapal selam.

Mengenai keputusan kerajaan membeli kereta kebal dari Poland, Mohd Shafie berkata keputusan itu dibuat setelah kajian berhubung cadangan pembelian itu dijalankan sejak sekian lama dan bukannya setelah mendapat pujian daripada negara yang mahu menjual peralatan ketenteraan itu.

Mohamad Sabu (PAS-Kuala Kedah) dalam perbincangannya sebelum itu mempersoalkan keputusan kerajaan membeli kereta kebal dari Poland ketika lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke negara itu baru-baru ini.

"Adakah setelah Poland hanya memuji-muji negara kita, maka kita terus setuju mahu membeli dari mereka," kata Mohamad.

Mohd Shafie berkata Malaysia menjalankan kajian terhadap peralatan dari beberapa negara sebelum membuat keputusan.

Persidangan dewan disambung esok.

-- BERNAMA

RZS RZS RHM